



MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

TEKS UCAPAN

YBHG. DATO' Sr HAJI ROZALI BIN HAJI MOHAMUD
DATUK BANDAR
MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

SEMPENA

MAJLIS PERASMIAN SEBERANG PERAI FIESTA
2019

OLEH

TUAN YANG TERUTAMA
TUN DATO' SERI UTAMA (DR.) HAJI ABDUL RAHMAN
BIN HAJI ABBAS
YANG DI-PERTUA NEGERI PULAU PINANG

TARIKH / MASA / TEMPAT

27 SEPTEMBER 2019 (JUMAAT)
8.15 MALAM

PAVILION JABATAN PERTANIAN
TAPAK EKSPLO SEBERANG JAYA

Terima kasih Saudara / Saudari Pengacara Majlis

Tuan Yang Terutama Tun Dato' Seri Utama (Dr.) Haji Abdul Rahman Bin Haji Abbas

Yang Di-Pertua Negeri Pulau Pinang

Yang Amat Berbahagia Toh Puan Dato' Seri Utama Hajah Majimor Binti Shariff

Yang Berhormat Dato' Ir. Haji Ahmad Zakiyuddin Bin Abdul Rahman
Timbalan Ketua Menteri I Pulau Pinang

Yang Berhormat Dato' Seri Farizan Bin Darus
Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang

Yang Berhormat Dr. Afif Bin Bahardin
Pengerusi Jawatankuasa Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Luar Bandar Dan Kesihatan
Merangkap Pengerusi Jawatankuasa Induk Seberang Perai Fiesta 2019

Yang Berhormat Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang

Yang Berhormat Dato' Sarul Bahiyah Binti Haji Abu
Pegawai Kewangan Negeri

Yang Berbahagia Datuk Abdul Malik Kassim
Yang Di-Pertua Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang
Merangkap Pengerusi Lembaga perindustrian Nanas Malaysia

Ahli-Ahli Majlis
Majlis Bandaraya Seberang Perai

Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai-Pegawai
Jabatan dan Agensi Kerajaan Persekutuan dan Negeri Pulau Pinang

Para Pengunjung

Rakan-Rakan Media

Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian

Assalamualaikum warahmatullahhiwabarakatuh,

Selamat malam dan salam sejahtera,

Alhamdulillah, bersyukur kehadiran Allah S.W.T. kerana dengan izinnya dapat kita bersama-sama pada hari ini dalam Majlis Perasmian Seberang Perai Fiesta 2019 yang dianjurkan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang melalui Jawatankuasa MMK Pertanian & Indusri Asas Tani di bawah pimpinan Yang Berhormat Dr. Afif Bin Bahardin dan dengan penglibatan bersama pelbagai agensi kerajaan iaitu Majlis Bandaraya Seberang Perai (MPSP), Jabatan Pertanian, Jabatan Perkhidmatan Veterinar, Jabatan Perikanan, Jabatan Pengairan dan Saliran, Jabatan Alam Sekitar, Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM), Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu Pulau Pinang (IADA), Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA), Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM), Majlis Amanah Rakyat (MARA) dan lain-lain agensi.

Terlebih dahulu saya ingin merakamkan ucapan penghargaan dan jutaan terima kasih di atas kesudian Tuan Yang Terutama Tun Dato' Seri Utama (Dr) Haji Abdul Rahman bin Haji Abbas, Yang Di Pertua Negeri Pulau Pinang dan Yang Amat Berbahagia Toh Puan Dato' Seri Utama Hajah Majimor binti Shariff hadir bagi menyempurnakan perasmian Seberang Perai Fiesta 2019 pada malam ini.

Kehadiran Tuan Yang Terutama Tun dan Yang Amat Berbahagia Toh Puan jelas membuktikan keprihatinan, mengeratkan silaturahim dan bersemaraknya kasih sayang Tuan Yang Terutama dan Yang Amat Berbahagia Toh Puan terhadap rakyat jelata. Kami sentiasa mendoakan Tuan Yang Terutama Tun dan Yang Amat Berbahagia Toh Puan sekeluarga sentiasa dilimpahi rahmat, mendapat magfirah, diberkati usia, sihat tubuh badan dan dimurahkan rezeki untuk terus memayungi Pulau Pinang yang tercinta ini.

Saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih terutama kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Yang Amat Berhormat Tuan Chow Kon Yeow, Ketua Menteri Pulau Pinang; Yang Berhormat Dato' Ir. Haji Ahmad Zakiyuddin Bin Abdul Rahman, Timbalan Ketua Menteri I Pulau Pinang; Yang Berhormat Prof. Dr. Ramasamy a/l Palanisamy, Timbalan Ketua Menteri II Pulau Pinang; Yang Berhormat Dato' Seri Farizan Bin Darus, Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang; dan khususnya kepada Yang Berhormat Dr. Afif bin Bahardin selaku Pengerusi Jawatankuasa Induk Seberang Perai Fiesta 2019 kerana sudi melibatkan MBSP dalam penganjuran fiesta yang besar-besaran ini.

Sekalung penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat, Dato'-Dato', Datin-Datin serta tuan-tuan dan

puan-puan para hadirin sekalian serta syabas dan tahniah kepada pihak penganjur majlis kerana berjaya menganjurkan program Seberang Perai Fiesta 2019 dari 25 hingga 29 September 2019 di Tapak Ekspo Seberang Jaya, Pulau Pinang dalam Bandaraya Seberang Perai yang tercinta.

Tuan Yang Terutama Tun, Yang Amat Berbahagia Toh Puan, Yang Berhormat Dato' Seri dan Datin Seri, Yang Berhormat- Yang Berhormat, Dato'-Dato' dan Datin-Datin serta Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian,

MBSP sentiasa menyokong dan berkerjasama erat dengan Kerajaan Negeri Pulau Pinang dalam menjayakan program ini. Pelaksanaan fiesta ini adalah sejajar dengan hasrat Kerajaan Negeri untuk mempromosikan Seberang Perai sebagai salah satu produk pelancongan yang menarik minat ramai pelancong sama ada dari dalam atau luar negara.

MBSP turut terlibat dalam Program Seberang Perai Fiesta dengan mengadakan dua (2) jenis aktiviti:-

1. Pameran MBSP yang menonjolkan sejarah Seberang Perai dan rentetan naik taraf status Majlis Perbandaran Seberang Perai kepada Majlis Bandaraya Seberang Perai. Di samping itu, satu

“*photo booth*” juga disediakan untuk pengunjung-pengunjung mengambil gambar *selfie* dan *wefie*.

2. Perkhidmatan Kaunter Bergerak MBSP, di mana perkhidmatan yang disediakan adalah:-

- i. Bayaran cukai taksiran MBSP;
- ii. Bayaran cukai taksiran (MBPP) (sila bawa bil terkini);
- iii. Bayaran lesen perniagaan MBSP;
- iv. Semakan kompaun kesalahan meletak kereta;
- v. Bayaran Bil PBA.

Sebagai menghargai sokongan padu serta kerjasama yang diberikan oleh warga Seberang Perai yang melibatkan diri dalam kesemua program dan aktiviti MBSP dan sempena pengisytiharan Majlis Bandaraya Seberang Perai, MBSP menawarkan promosi pengurangan Bayaran Kompaun Letak Kereta serendah RM5.00. Promosi ini untuk semua kompaun letak kereta kecauali kesalahan meletka kenderaan di petak OKU dan kompaun yang didaftarkan di mahkamah.

MBSP menzahirkan ucapan terima kasih kepada semua warga Seberang Perai di atas sokongan dan kerjasama yang diberikan dan saya menjemput anda semua ke Booth Pameran MBSP dan Kaunter Bergerak MBSP.

Tuan Yang Terutama Tun, Yang Amat Berbahagia Toh Puan, Yang Berhormat Dato' Seri dan Datin Seri, Yang Berhormat- Yang Berhormat, Dato'-Dato' dan Datin-Datin serta Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian,

Dalam kita menikmati makanan, berhibur dan sebagainya dalam Seberang Perai Fiesta 2019 ini, besarlah harapan saya sekiranya pengunjung-pengunjung yang hadir dapat bersama-sama menjaga kebersihan dan melaksanakan pengasingan sisa dipunca.

Saya menyeru dan amat mengalu-alukan kerjasama daripada semua peniaga dan pengunjung untuk mengasingkan sampah dan membuangkannya ke dalam tong sampah yang disediakan oleh MPSP dan dilabelkan dengan kategori "*sisa kitar semula*" untuk kertas, plastik, tin, aluminium dan kotak dan "*sisa baki*" untuk sampah kotor dan sisa makanan.

Hala tuju MBSP adalah jelas iaitu mensasarkan untuk mengurangkan 50% pelepasan karbon menjelang tahun 2022 iaitu pengurangan penghasilan karbon daripada **8.0 tan CO₂e per kapita** kepada **4.0 tan CO₂e per kapita**. Selain itu, sasaran menjadi *carbon neutral city* pada tahun 2030, iaitu 10 tahun dari Januari 2020 dan menjadi *zero carbon city*

pada tahun 2050. MBSP juga komited untuk bersama bandaraya-bandaraya lain di dunia untuk menangani perubahan cuaca supaya dapat menghadkan pemanasan global ke *1.5 degree Celcius*.

Tuan Yang Terutama Tun, Yang Amat Berbahagia Toh Puan, Yang Berhormat Dato' Seri dan Datin Seri, Yang Berhormat-Yang Berhormat, Dato'-Dato' dan Datin-Datin serta Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian,

InshaAllah, Kami berusaha untuk melaksanakan program-program yang menepati kehendak rakyat, memperluaskan perkhidmatan pembersihan am ke kampong-kampong, membersih pantai-pantai yang menjadi tumpuan beriadah, menyediakan empat jenis plan rumah kediaman setara bagi meningkat keupayaan memiliki rumah dan kualiti hidup, meningkatkan sistem penyampaian, membuka peluang peniagaan kepada B40 dan M40, melabur dalam alam bina untuk menjadi Seberang Perai resilient sejajar dengan **SDG 11 "Menjadikan Bandar dan Penempatan Manusia Inklusif, Selamat, Berdaya Tahan dan Mampan"** dan juga seiring dengan ***"Penang2030 - A Family Focused Green and Smart State That Inspires The Nation"***.

Sebelum saya mengakhiri ucapan saya pada hari ini, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang Terutama Tun dan Yang Amat Berbahagia Toh Puan kerana sudi menghadiri program pada malam ini dan seterusnya merasmikan Program Seberang Perai Fiesta 2019.

Akhir kata, Seberang Perai telah sampai dikemuncak penitiran evolusi bandar. Seberang Perai tidak mendapat taraf Bandaraya secara kebetulan. Seberang Perai mencapai taraf Bandaraya di atas usaha gigih *Wira Orange*, pimpinan yang berwawasan, rakyat yang muafakat. Justeru, pada malam ini, marilah kita sama-sama berazam dan bertekad untuk mempertahankan anugerah ini dengan memberi perkhidmatan yang terbaik untuk rakyat bagi mencapai ***“Seberang Perai Resilient, Inklusif, Hijau, Kompetitif Dan Bandaraya Pintar Dipacu Oleh Teknologi”***.

Sekian,

Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum

Warahmatullahi Wabarakatuh.